



PANDUAN TUNTUTAN DIPLOMA / SIJIL JTM

1.0 TUNTUTAN DIPLOMA / SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

- 1.1 Bagi para graduan yang menyertai Istiadat Konvokesyen, dikehendaki mengambil diploma/sijil dan transkrip akademik masing-masing di tempat konvokesyen seperti yang telah termaktub di dalam jadual konvokesyen.
- 1.2 Bagi graduan yang tidak dapat menyertai Istiadat Konvokesyen, graduan boleh menuntut diploma/sijil dan transkrip akademik selepas dua minggu dari tarikh hari Istiadat Konvokesyen di **ILJTM masing-masing**. *Folder sijil hanya diberikan kepada mereka yang hadir pada Majlis Istiadat Konvokesyen sahaja.*
- 1.3 Graduan boleh mewakilkan orang lain untuk mengambil diploma / sijil dan transkrip dengan cara mengemukakan surat perwakilan / kebenaran dan salinan kad pengenalan graduan serta mencatatkan nama dan nombor kad pengenalan orang yang diwakilkan dalam surat tersebut.
- 1.4 Diploma / sijil dan transkrip juga boleh dipohon melalui pos dengan mengemukakan sampul berdaftar **saiz A3** yang **kosong siap dengan nama dan alamat pengirim** (sampul ini akan digunakan untuk pos diploma / sijil yang dituntut), surat dan salinan kad pengenalan graduan (bagi graduan yang tidak menyertai Istiadat Konvokesyen) kepada ILJTM masing-masing. Bahwasanya, pihak ILJTM **tidak bertanggungjawab atas kehilangan / kerosakan diploma / sijil dan transkrip yang dituntut melalui pos**.
- 1.5 Para graduan sama ada menghadiri Istiadat Konvokesyen atau tidak, dan belum menjelaskan apa-apa hutang dengan ILJTM, diploma / sijil dan transkrip tidak akan dikeluarkan sehingga yuran / hutang tersebut dijelaskan.

2.0 KEHILANGAN DIPLOMA / SIJIL

Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah menetapkan bahawa diploma / sijil cuma dikeluarkan sekali sahaja kepada graduan. Tiada sebarang penggantian dibuat sekiranya diploma / sijil ini hilang atau rosak. Oleh itu, para graduan dinasihatkan supaya menyimpannya dengan baik dan selamat serta membuat salinan yang mencukupi.

Penguatkuasaan ini berkuatkuasa bermula Konvokesyen Tahun 2010 dan juga terpakai kepada semua graduan yang telah menamatkan latihan dengan ILJTM sebelum tahun 2010.

Sekiranya diploma / sijil hilang atau rosak, pihak JTM hanya akan mengeluarkan surat pengesahan menamatkan sesuatu program sahaja. Surat pengesahan hanya akan dikeluarkan dengan mengemukakan sesalinan laporan polis mengenai kehilangan diploma / sijil tersebut.

Permohonan Surat Pengesahan hendaklah **menggunakan Borang Permohonan Pengeluaran Surat Pengesahan** yang boleh dimuat turun di laman web Adtec Melaka